



**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**  
*The National University of Malaysia*

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 3/2024**

**PENGUATKUASAAN KADAR CUKAI PERKHIDMATAN DARI 6% KEPADA 8%  
BERDASARKAN AKTA CUKAI PERKHIDMATAN [AKTA 807] KE ATAS KONTRAK  
PEROLEHAN UKM**

**1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkaitan penguatkuasaan kadar Cukai Perkhidmatan dari 6% kepada 8% ke atas kontrak perolehan UKM yang masih berkuatkuasa dan juga kontrak baharu (mulai 1 Mac 2024).

**2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Mulai 1 Mac 2024, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah menguatkuasakan pelaksanaan perubahan kadar Cukai Perkhidmatan dan telah diwartakan melalui Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) (Pindaan) 2024. Peningkatan kadar Cukai Perkhidmatan dari 6% kepada 8% melibatkan semua jenis perkhidmatan KECUALI perkhidmatan berikut:

- a) Perkhidmatan makanan dan minuman;
- b) Perkhidmatan telekomunikasi;
- c) Perkhidmatan ruang letak kenderaan; dan
- d) Perkhidmatan logistik (termasuk kiriman cepat atau kurier, pengurusan penggudangan, ejen kastam)

2.2 Perubahan kadar cukai ini turut melibatkan kontrak di bawah Perolehan Universiti yang masih berkuatkuasa dan juga bagi kontrak baharu (mulai 1 Mac 2024).

### 3.0 PELAKSANAAN

3.1 Mulai 1 Mac 2024, kadar Cukai Perkhidmatan akan dikenakan sebanyak 8% bagi semua jenis perkhidmatan. Perkhidmatan yang tidak terlibat dengan kenaikan Cukai Perkhidmatan dan masih KEKAL pada kadar 6% adalah seperti berikut:

- a) Perkhidmatan makanan dan minuman;
- b) Perkhidmatan telekomunikasi;
- c) Perkhidmatan ruang letak kenderaan; dan
- d) Perkhidmatan logistik (termasuk kiriman cepat atau kurier, pengurusan penggudangan, ejen kastam)

3.2 Penetapan kaedah penyelarasan kadar Cukai Perkhidmatan baharu adalah berdasarkan kepada tiga (3) situasi seperti berikut:

Bil	Situasi	Kadar Cukai Perkhidmatan
1.	Perkhidmatan bercukai telah diberikan sepenuhnya <b>SEBELUM</b> tarikh kuat kuasa perubahan kadar ( <b>Kontrak tamat sebelum 1 Mac 2024</b> )	
	a) Invois dikeluarkan sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar dan apa-apa bayaran dibuat oleh UKM sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar	6%
	b) Invois dikeluarkan sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar dan apa-apa bayaran dibuat oleh UKM selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar	
	c) Invois dikeluarkan selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar dan apa-apa bayaran dibuat oleh UKM selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar	
2.	Perkhidmatan bercukai diberikan sepenuhnya <b>PADA/ SELEPAS</b> tarikh kuat kuasa perubahan kadar ( <b>Kontrak mula berkuat kuasa pada/selepas 1 Mac 2024 - Kontrak baharu</b> )	
	a) Apa-apa bayaran dibuat oleh UKM sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar	6%
	b) Apa-apa bayaran dibuat oleh UKM pada/selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar, bayaran tersebut tertakluk pada kadar baharu	8%
	c) Sebahagian bayaran sebelum tarikh kuat kuasa dan sebahagian bayaran selepas tarikh kuat kuasa	6%

	i. Sebahagian bayaran dibuat oleh UKM sebelum tarikh kuat kuasa	6%
	ii. sebahagian bayar lagi dibuat oleh UKM pada/ selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar,	8%
3.	Perkhidmatan bercukai diberikan <b>SEBELUM</b> tarikh kuat kuasa perubahan kadar ( <b>Kontrak yang sedang berkuatkuasa sebelum 1 Mac 2024 dan masih berkuat kuasa selepas 1 Mac 2024</b> )	
	a) Perkhidmatan yang diberikan sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar dan bayaran sebelum tarikh kuat kuasa	6%
	b) Perkhidmatan yang diberikan selesai pada/ melangkaui tarikh kuat kuasa perubahan kadar dan bayaran selepas tarikh kuat kuasa	6%
	i. Perkhidmatan sebelum 1 Mac 2024	8%
	ii. Perkhidmatan pada/ selepas 1 Mac 2024	
	c) Perkhidmatan yang diberikan pada/ selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar:	
	i. Apa-apa bayaran yang dibuat oleh agensi sebelum tarikh kuat kuasa	6%
	ii. Apa-apa bayaran yang dibuat oleh agensi pada/ selepas tarikh kuat kuasa	8%
Catatan: Sila rujuk Grafik Garis Masa Peralihan kadar Cukai Perkhidmatan di <b>Lampiran 1</b>		

#### 4.0 TINDAKAN PEMBEKAL BERKAITAN PROSES DAN DOKUMEN BAYARAN YANG DIPERLUKAN BAGI KONTRAK PERKHIDMATAN BERKUKAI YANG MASIH BERKUATKUASA

##### 4.1 Tindakan Pembekal

Berikut adalah tindakan yang perlu diambil oleh pihak pembekal:

- a) Syarikat perlu membuat semakan dengan pihak JKDM sama ada kontrak perkhidmatan bercukai yang masih berkuatkuasa terlibat dengan penguatkuasaan kadar Cukai Perkhidmatan baharu.
- b) Dokumen lengkap termasuk Nota Penghantaran, Invois, Pesanan Rasmi dan Sijil Pendaftaran Kastam perlu dikemukakan kepada Bahagian Perolehan, Jabatan Bendahari/ Jabatan Kewangan untuk pengeluaran

Surat Penyelarasan Harga Berkaitan Pelaksanaan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP).

- c) Surat Penyelarasan Harga Berkaitan Pelaksanaan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) wajib dikemukakan kepada Jabatan Bendahari/Jabatan Kewangan semasa tuntutan bayaran bagi kontrak semasa yang terlibat dengan perubahan kadar cukai. Sekiranya surat ini tidak dilampirkan, kadar cukai sebanyak 8% tidak boleh dibayar oleh Jabatan Bendahari/Jabatan Kewangan.

#### 4.2 Tindakan PTj

Berikut adalah proses yang perlu dibuat oleh pihak PTj bagi tuntutan bayaran oleh pihak pembekal:

- a) Semakan terhadap dokumen bayaran yang dikemukakan oleh syarikat perlu dibuat oleh pihak PTj. Bagi kontrak semasa yang terlibat dengan perubahan kadar cukai, syarikat wajib mengemukakan Surat Penyelarasan Harga Berkaitan Pelaksanaan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) bersama tuntutan bayaran.
- b) Bagi perolehan secara manual. Sediakan dua (2) Daftar Bil (DB):
  - i. DB sama amaun seperti PR asal
  - ii. DB tambahan bagi perbezaan cukai 2%
- c) Bagi perolehan melalui Sistem eP@UKM. DB bagi tambahan bagi perbezaan cukai 2% akan disediakan oleh Jabatan Bendahari. Mohon pastikan syarikat telah memuatnaik semua dokumen bayaran termasuk Sijil Pendaftaran Kastam.

#### 4.3 Carta Alir Proses Bagi Perolehan Yang Mempunyai Surat Setuju Terima (SST) dan Kontrak boleh dirujuk **Lampiran 2** dan Carta Alir Proses Bagi Perolehan Tanpa SST dan Kontrak di **Lampiran 3**.

## **5.0 PENGUATKUASAAN**


Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Mac 2024.

## **6.0 PEMAKAIAN**

Pelaksanaan pekeliing ini turut dilaksanakan di Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) dan Hospital Pakar Kanak-Kanak (HPKK).


**GRAFIK GARIS MASA PERALIHAN KADAR CUKAI PERKHIDMATAN DARI 6% KEPADA 8%**

- a) **Perkhidmatan bercukai telah diberikan sepenuhnya SEBELUM tarikh kuat kuasa perubahan kadar (Kontrak tamat sebelum 1 Mac 2024)**
- i. Invois dikeluarkan sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar dan apa-apa bayaran dibuat oleh agensi Kerajaan sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar, bayaran tersebut tertakluk pada kadar lama iaitu 6%.




## LAMPIRAN 1

- ii. Invois dikeluarkan sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar dan apa-apa bayaran dibuat oleh agensi Kerajaan selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar, bayaran tersebut tertakluk pada kadar lama iaitu 6%.




## LAMPIRAN 1

- iii. Invois dikeluarkan selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar dan apa-apa bayaran dibuat oleh agensi Kerajaan selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar, bayaran tersebut tertakluk pada kadar lama iaitu 6%.






- b) Perkhidmatan bercukai diberikan sepenuhnya PADA/ SELEPAS tarikh kuat kuasa perubahan kadar (Kontrak mula berkuat kuasa pada/selepas 1 Mac 2024 – Kontrak baharu)
- i. Apa-apa bayaran dibuat oleh agensi Kerajaan sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar [Kontrak yang diberikan pengecualian AP 99 (e)], bayaran tersebut tertakluk pada kadar lama iaitu 6%.




LAMPIRAN 1

- ii. Apa-apa bayaran dibuat oleh agensi Kerajaan pada/selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar, bayaran tersebut tertakluk pada kadar baharu iaitu 8%.




## LAMPIRAN 1

- iii. Sebahagian bayaran dibuat oleh agensi sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar, bayaran tersebut tertakluk pada kadar lama iaitu 6% dan sebahagian bayaran lagi dibuat oleh agensi Kerajaan pada/selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar, bayaran tersebut tertakluk pada kadar baharu iaitu 8%.




## LAMPIRAN 1

- c) **Perkhidmatan bercukai diberikan sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar MELANGKAUI tarikh kuat kuasa perubahan kadar (Kontrak yang sedang berkuat kuasa sebelum 1 Mac 2024 dan masih berkuat kuasa selepas 1 Mac 2024)**
- i. Perkhidmatan yang diberikan sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar dan bayaran sebelum tarikh kuat kuasa adalah tertakluk pada kadar lama 6%;
  - ii. Perkhidmatan yang diberikan selesai pada/melangkau tarikh kuat kuasa perubahan kadar dan bayaran selepas tarikh kuat kuasa adalah tertakluk kepada perkadaran (*proportionate*) seperti berikut:
    - Perkhidmatan sebelum 1 Mac 2024 adalah tertakluk pada kadar lama 6%; dan
    - Perkhidmatan pada/ selepas 1 Mac 2024 adalah tertakluk pada kadar baharu 8%.
  - iii. Perkhidmatan yang diberikan pada/selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar:
    - Apa-apa bayaran yang dibuat oleh agensi sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar [Kontrak yang diberi pengecualian AP 99(e)], bayaran tersebut tertakluk pada kadar lama iaitu 6%; atau
    - Apa-apa bayaran yang dibuat oleh agensi pada/selepas tarikh kuat kuasa perubahan kadar, bayaran tersebut tertakluk pada kadar baharu iaitu 8%.



**CARTA ALIR PROSES BAGI PEROLEHAN YANG MEMPUNYAI SURAT SETUJU TERIMA (SST) DAN KONTRAK**



CARTA ALIR PROSES BAGI PEROLEHAN TANPA SST DAN KONTRAK

